



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Saman (Peruntokan Khas) (Singapura) 1969

DR.14/1969

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Act bagi membuat peruntukan supaya saman² mejisteret dapat di-sampaikan dengan lebeh segera antara Malaysia dengan Republik Singapura.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Saman (Peruntukan Khas) (Singapura), 1969. Tajok ringkas.

2. (1) Jika di-bawah peruntukan mana² undang² yang berkuatkuasa di-Singapura sa-saorang Mejisteret telah mengeluarkan suatu saman menghendaki sa-saorang yang di-tudoh atas sa-suatu kesalahan hadhir di-hadapan mana² Mahkamah di-Singapura, dan orang itu berada atau diperchayai berada di-Malaysia, sa-saorang Mejisteret di-Malaysia boleh, jika ia berpuashati bahawa saman itu telah di-keluarkan oleh sa-orang Mejisteret di-Singapura, menchatit saman itu dengan nama-nya, dan saman itu kemudian-nya boleh-lah di-sampaikan kepada orang itu sa-olah² saman itu di-keluarkan oleh sa-orang Mejisteret di-Malaysia di-bawah peruntukan Kanun Achara Jenayah. Penyam-paian saman berkenaan dengan Singapura.

(2) Jika di-bawah peruntukan mana² undang² yang berkuatkuasa di-Singapura yang bersamaan dengan sekshen-kecil yang akhir di-atas, sa-suatu saman yang di-keluarkan oleh sa-orang Mejisteret di-Malaysia telah di-chatit oleh sa-orang Mejisteret di-Singapura dan di-sampaikan kepada orang yang di-tudoh, saman itu hendak-lah bagi maksud Kanun Achara Jenayah di-sifatkan sa-bagai telah di-sampaikan dengan sah-nya sa-olah² penyampaian itu telah dilaksanakan di-Malaysia.

(3) Dalam sekshen ini—

“Kanun Achara Jenayah” erti-nya Kanun Achara Jenayah yang berkenaan;

“Mejisteret”, berhubung dengan Sabah dan Sarawak, erti-nya sa-saorang Mejisteret Kelas Pertama; berhubung dengan Negeri² Tanah Melayu, termasuk-lah sa-saorang Yang di-Pertua Mahkamah Seshen; dan berhubung dengan Singapura, termasuk-lah sa-saorang Hakim Daerah;

“saman” termasuk-lah sa-suatu sapina atau surat perentahan lain menghendaki sa-saorang saksi hadhir.

3. Act Waran dan Saman (Peruntukan Khas), 1965 ada-lah dengan ini di-pinda saperti berikut—

- (a) dalam ta'arif “component territory of Malaysia”, potong perkataan “Singapore”;
- (b) dalam ta'arif “Magistrate” potong perkataan² “a District Judge and”; dan
- (c) dalam ta'arif “Magistrate in the receiving territory” potong perenggan (b).

HURAIAN

1. Act Waran dan Saman (Peruntukan Khas), 1965 membuat peruntukan mengenai penyampaian saman Mejisteret di-seluruh Malaysia. Menurut kuasa sekshen 7 dalam Act Perlembagaan (Pindaan Singapura), 1965, undang² yang berkuatkuasa di-Singapura pada masa yang akhir sa-belum perpisahan-nya akan terus berkuatkuasa sa-hingga di-mansokhkan oleh badan perundangan Singapura. Act Serahbalek, 1968 bagi Singapura telah memansokhkan Act 1965 itu. Oleh yang demikian maka perlu-lah sekarang peruntukan² baharu di-buat bagi menyampaikan saman² mejisteret di-Singapura.

2. Rang undang² ini mempunyai dua maksud, ia-itu pertama-nya memotong peruntukan berkaitan dengan Singapura dalam Act Waran dan Saman (Peruntukan Khas), 1965 oleh kerana Singapura tidak lagi berada dalam Malaysia dan kedua-nya membuat peruntukan baharu berdasarkan Kanun² Achara Jenayah bagi menyampaikan saman di-Singapura.

[P.N. 3457/1.]